

09 OCT 1999

MAHATHIR-BANK

RANCANGAN PENGGABUNGAN BANK TIDAK SEHARUSNYA TERLALU KETAT, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa penggabungan sektor perbankan di negara ini tidak seharusnya terlalu ketat.

"Ini adalah pandangan kerajaan. Saya fikir bank pusat harus menghormati pandangan kerajaan. Kita tidak perlu terlalu ketat (dalam program penggabungan)."

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan sama ada bilangan bank induk yang terbabit dalam program penggabungan akan ditambah dan sama ada Bank Negara akan mengesahkannya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri berkata: "Saya fikir bank pusat biasanya akan membuat penyesuaian terhadapnya (pandangan kerajaan)."

Apabila ditanya mengenai pandangan peribadinya mengenai sama ada lebih daripada enam buah bank induk dalam program penggabungan perlu diadakan, katanya: "I tiada pandangan peribadi. Saya hanya melahirkan pandangan kerajaan."

Terdahulu minggu ini, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menolak kemungkinan mengkaji semula bilangan kumpulan perbankan induk kini berjumlah enam buah, iaitu Malayan Banking Bhd, Multi-Purpose Bank, Bumiputra-Commerce Bank, Perwira Affin Bank, Public Bank dan Southern Bank.

Cadangan penggabungan oleh Bank Negara akan menyaksikan industri perbankan tempatan yang mengandungi 58 institusi kewangan bergabung menjadi enam kumpulan bank induk.

Mengenai spekulasi bahawa Arab-Malaysian Bank dan Hong Leong Bank tidak akan menyertai rancangan penggabungan itu, Dr Mahathir berkata: "kita tidak pun membincangkan tentang Arab-Malaysian Bank dan Hong Leong Bank. Mereka membincangkannya secara am."

-- BERNAMA

ZMY MA